71

26.11.78.

UCAPAN YAB DATO HUSSEIN ONN
PERDANA MENTERI MALAYSIA, DI-
PEMBUKAAN RESMI PERSIDANGAN
PERWAKILAN TAHUNAN M.C.A. KE26
DI FEDERAL HOTEL, KUALA LUMPUR,
PADA HARI AHAD 26HB. NOVEMBER,
1978, JAM 9.00 PAGI.

---

2. ~~YAB Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamed~~
~~Timbalan Perdana Menteri,~~

(1) YB Dato Lee San Choon
President M.C.A.

Tuan yang Dipertua Dewan Negara

3. YB ~~Tan Sri Omar Ong Yoke Lin,~~

Y.B. ~~Tan Sri Syed Nasir~~ Tuan yang Dipertua Dewan Rakyat.

4. YB Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri,

YAB. Menteri$^2$ Besar, Johore dan Perlis.

5. YB Ahli-Ahli Parlimen, dan Dewan$^2$ Undangan Negri

Ketua$^2$ dan Wakil$^2$ dari parti$^2$ dalam BN

6. Para Tetamu Kehormat,

7. Para Perwakilan,

8. Tuan-tuan dan puan-puan sekelian.

3. Kesederhanaan amatlah perlu di dalam segala usaha kita, bagi mewujudkan perpaduan dan kemakmuran, serta menjaminkan keadilan dan keamanan, bagi sebuah negara yang berbilang kaum saperti Malaysia. Sikap kesederhanaan ini, sentiasa dicabar, oleh gulungan-gulungan extremis, yang seringkali mengeksploitasikan emosi perkauman. Gulungan-gulungan ini, sentiasa mencari "short-cut" politik, bagi menambahkan populariti politik mereka itu. Sebagai ahli parti, tuan-tuan dan puan-puan semestinya, terdedah kepada emosi perkauman ini. Walaubagaimanapun, janganlah hendaknya kita terpengaruh. Mungkin ini tidak mudah, tetapi telah terbukti keupayaan kita ~~dapat~~ mengatasinya. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita bersama, untuk mengawasi, supaya emosi perkauman ini, tidak akan

...2A/-

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada MCA, kerana sudi menjemput saya ke majlis ini, serta memberi penghormatan kepada saya, merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan nya yang ke 26. Ini merupakan kali ketiga, saya merasmikan Persidangan Tahunan MCA, sejak saya memegang pucuk pimpinan Barisan Nasional dan Kerajaan.

2. Inilah kali pertama, ahli dan pemimpin MCA berhimpun, semenjak pilihanraya umum yang lalu. Parti Barisan Nasional telah dipilih olih rakyat sekali lagi, bagi menubuhkan Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri-Negeri. Sapertimana Yang Berhormat Dato' Lee San Choon telah menyatakan sebentar tadi, kemenangan Barisan Nasional baru-baru ini, membuktikan bahawa rakyat Malaysia tetap menyokong sikap kesederhanaan, yang diamalkan oleh parti dan Kerajaan Barisan Nasional.

..2/-

memusnahkan perpaduan dan kerjasama antara kaum, yang sudah terjalin semenjak sebelum Merdeka lagi.

...3/-

E. 4. MCA telah terlibat secara langsung, di dalam usaha memupuk perpaduan dan kerjasama antara kaum, semenjak sebelum merdeka lagi. Pemimpin-pemimpin MCA, telah berjaya memelihara kepentingan dan hak masyarakat China, melalui perundingan dan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin negara yang lain. Kemampuan kita, untuk berunding dan berbincang, adalah sebab utama, negara kita berada di dalam keadaan yang terpelihara. Selagi pemimpin-pemimpin semua kaum dapat berunding dan berbincang, masa depan negara kita akan terjamin. Saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan, supaya jangan sekali-kali menganggapkan bahawa, keadaan ini datang bagitu sahaja, tanpa kesanggupan kita di semua peringkat, berusaha sepenuh daya upaya kita, di dalam semangat bertolak ansur.

...4/-

Tuan-tuan dan puan-puan sekelian.

5. Perpaduan negara, di dalam ertikata yang sebenar, tidak dapat dicapai, sekiranya dibiarkan kaum-kaum yang ada di negara ini, bergerak dan hidup berasingan dan tersendiri. Inilah keadaan di negara kita, semasa di bawah pemerintahan penjajah pada masa dahulu, dan sedikit demi sedikit, kita telah memperbetulkannya. Kita sudah jauh maju kehadapan, di dalam integrasi kaum semenjak kemerdekaan, bagi kita mematah balik. Di dalam Manifestonya, Barisan Nasional telah berikrar kepada rakyat bahawa, setiap orang mempunyai tempat di dalam negara ini, dan tidak siapapun yang akan ketinggalan. Sebagai Pengerusi Barisan Nasional dan Perdana Menteri, ikrar ini akan disanjung tinggi.

6. MCA, sebagai sebuah parti komponen Barisan Nasional, mempunyai tugas dan tanggungjawab yang tertentu. Walaupun MCA merupakan sebuah parti politik, di mana anggotanya terdiri daripada satu keturunan sahaja, peranan dan perjuangannya mestilah bercorak kebangsaan. MCA telah membuktikan kemampuannya untuk berbuat demikian, dan mestilah meneruskan peranannya, menarik minat dan sokongan daripada kalangan rakyat Malaysia keturunan China, yang sama-sama yakin kepada kesederhanaan politik, sebagai jalan ke arah perpaduan dan kemakmuran negara.

7. Kesederhanaan melahirkan kebijaksanaan. Di dalam sebuah negara berbilang kaum, kebijaksanaan sahajalah, yang dapat menjaminkan keadilan, perpaduan dan kemakmuran. Sebuah Kerajaan yang mementingkan

kekuasaan tanpa kebijaksanaan, tidak akan menjamin keadilan. Sebuah Kerajaan yang mementingkan kepintaran tanpa kebijaksanaan, tidak akan menjamin perpaduan. Sebuah Kerajaan yang mementingkan kekayaan tanpa kebijaksanaan, tidak akan menjamin kemakmuran. Sebuah Kerajaan yang bijaksana, ialah sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat, dan kebijaksanaan itu, dilahirkan daripada kesederhanaan di dalam politik, sosial dan ekonomi negara.

8. Kerajaan Barisan Nasional yang baru ditubuhkan ini, ialah sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat. Kerajaan ini telah ditubuhkan, di atas sokongan dan kepercayaan rakyat. Kami telah berjanji kepada rakyat di dalam Manifesto kami, bahawa setiap undi yang diberikan kepada kami, merupakan undi untuk keamanan, kemakmuran, keadilan sosial dan kehidupan

..7/-

yang lebih baik, bagi semua. Itulah ikrar kami, dan saya menegaskan di sini, bahawa segala janji kami, akan kami laksanakan, dan segala ikrar kami akan kami sanjung.

9. Sebagai anggota parti yang telah menemui rakyat, semasa kempen pilihanraya yang lalu, tugas tuan-tuan dan puan-puan pada masa Persidangan ini, ialah untuk membincangkan bagaimana dapat dilaksanakan segala janji dan ikrar Barisan Nasional kepada negara, supaya kepercayaan rakyat ~~di dalam~~ kepada parti dan Kerajaan kita akan dapat dikekalkan. Jangan hendaknya, kita melincung daripada tugas dan tanggungjawab, yang telah diamanahkan oleh rakyat kepada kita semua.

Tuan-tuan dan puan-puan sekelian.

10. Barisan Nasional ialah ~~satu~~ sebuah gabungan parti-parti politik, yang menaruh kepercayaan yang penuh, di atas cara berunding dan berbincang, sebagai cara yang utama, bagi menyelesaikan masaalah masaalah dan issue-issue negara. Kekuatan Barisan Nasional, bergantung sepenuhnya di atas kemampuan kita untuk berbuat demikian. Ini bermakna, bahawa setiap ~~satu~~ sebuah parti komponen, mestilah sentiasa bekerjasama dengan yang lain, samada di peringkat kebangsaan, negeri atau kawasan pilihanraya. Setakat hari ini, semangat kerjasama ini, ditunjukkan di semua peringkat.

11. Saya percaya, bahawa tuan-tuan dan puan-puan sekelian, sebagai pemimpin di peringkat

kawasan pilihanraya, akan mengambil peluang semasa Persidangan ini, untuk bertukar-tukar fikiran, bagi mencari jalan bagaimana kegiatan Barisan Nasional, dapat diperhebatkan diperingkat kawasan pilihanraya. Adalah mustahak bagi kegiatan ini, diperhebatkan di kawasan-kawasan, di mana calun-calun kita telah kalah di dalam pilihanraya yang lalu. Kita mestilah membuat persiapan daripada masa sekarang lagi, supaya senang di masa hadapan. Saya tidak nampak jalan yang lain, bagi kita membuat persiapan, sekiranya kita betul-betul serious, untuk merampas balik kawasan-kawasan pilihanraya ini, selain daripada kita, mengembelingkan seluruh tenaga, yang ada di dalam parti-parti komponen Barisan Nasional, di peringkat kawasan-kawasan tersebut.

..10/-

Saya percaya, dengan semangat bekerjasama yang ada di kalangan parti-parti komponen Barisan Nasional, tugas ini akan dapat dilaksanakan.

To English text

Tuan-tuan dan puan-puan sekelian ini.

Dengan pesanan/Saya dengan amat sukacitanya,

12. ~~Sukalah saya sekarang~~ merasmikan pembukaan Persidangan Perwakilan Tahunan MCA yang ke 26, serta mengucapkan Selamat Bersidang.

Terima kasih.

@@@@@@@@@

I wish to thank the MCA for inviting me to this occasion, and giving me the privilege to declare open its 26th Annual Delegates Conference. This is the third time that I am so privileged, since assuming leadership of the Barisan Nasional and the Government.

2. This is the first time, that members and leaders of the MCA are gathered together, since the recent General Elections. Once again, the Barisan Nasional has been entrusted by the people to form the Federal and State Governments. Yang Berhormat Datuk Lee San Choon has ~~remarked~~ said in his speech, that the Barisan Nasional's victory, is a victory for moderation, and has demonstrated the people's continuing faith in ~~the~~ moderation, that is the hallmark of the BarisanNasional Government.

3. Moderation is essential in all our efforts to achieve unity and prosperity, ~~and~~ to maintain peace and ensure justice ~~and peace~~ in a multi-racial Malaysia. Moderation will always be challenged by the extremists, who are ever willing to exploit racial emotions. These extremists are looking for political short-cuts for their own political ends. As members of a political party, you are all exposed to these racial emotions. However, you must not succumb to them. This is not easy to do, but it can and has been done. It is our duty and responsibility to ensure, that racial extremism will not destroy the unity and cooperation between races, that has existed since even before Merdeka.

4. The MCA has been directly involved in the efforts to create unity and cooperation between races, since even before Merdeka. The leaders of the MCA have successfully preserved the interest and the rights of the Chinese community. This has been done through discussions and consultations with the other national leaders. Our ~~capacity~~ ability to discuss and consult among ourselves, is the main reason for the existence of our nation. For so long as leaders of the various racial communities in this country, can sit down together at one table in discussion and consultation, the future of Malaysia is assured. At the same time, it is my hope that nothing will be taken for granted. We must be willing to exert ourselves, at all levels, to maintain this spirit of give and take.

Tuan² dan Puan² sekalian.

~~Ladies and gentlemen~~.

5. National unity in the truest sense, cannot be achieved, if the racial communities of this nation, are allowed to live and develop in separate and different compartments. This was the situation in Malaysia, when we were ruled by the colonialists, but step by step, we have rectified it. Since Merdeka, we have achieved so much, in our efforts to integrate the various communities, and now we should not turn the clock back. This we must not allow to happen. We have pledged to the nation in our Manifesto, that the Malaysian sun is big and bright enough, so that no one need be in darkness. As Chairman of the Barisan Nasional and Prime Minister, I will personally uphold this pledge.

6. As a component party of the Barisan Nasional, the MCA has definite roles and responsibilities. Although the MCA is a political party whose membership is drawn from one racial community only, its role must be national in character. The MCA has demonstrated its ~~capacity~~ ability to do so, and must continue in its efforts to draw the support of the Malaysian Chinese, who believe in political moderation as the path towards national unity and prosperity.

7. Moderation is the basis for wisdom. In a multi racial nation, wisdom is most essential for justice, unity and prosperity. A good government is not by the most powerful or by the most cunning or by the most rich. A government by the most powerful, cannot ensure justice. A government

by the most cunning, cannot ensure unity. A government by the most rich, cannot ensure prosperity. A good government, is a government by the most wise. A government by the most wise, is a people-oriented government, and wisdom is born out of moderation in all matters.

8. The new Barisan Nasional Government is a people-oriented government. This government was formed with the support and trust of the people. We have promised to the people in our Manifesto, that every single vote given to Barisan Nasional, is a vote for peace, prosperity, social justice and a better life for all. That was our promise, and I wish to reiterate that we will keep all our promises and uphold all our pledges.

9. You have all met the people during the recent election campaign. It is your duty now, at this conference, to discuss how best we can fulfil our promises and uphold our pledges to the nation, so as to ensure that the people's trust in our party and government, will continue. The people have entrusted us with the duty and responsibility to rule. We must never betray this trust.

Tuan dan Puan² sekalian.
~~Ladies and gentlemen.~~

10. The parties that formed the Barisan Nasional, are those which are committed towards the process of consultation and discussion, as the only way to solve national problems and issues. The strength of the Barisan Nasional rests fully upon our ~~capacity~~ ability to do this. This means that

..8/-

there must always be cooperation between one component party and the other. This cooperation must exist at the national, state and constituency levels. I am happy to note that this spirit of cooperation is currently being shown at all these levels.

11. I am sure that as leaders at the constituency level, all of you will use the oppotunity at this conference to exchange ideas on how to strengthen Barisan Nasional at the constituency level. It is particularly important that our attention be directed towards those constituencies where our candidates were defeated in the recent elections. We must prepare ourselves from now so that it will be easy when the time comes. If we indeed serious in our efforts to win back

those constituencies, we must utilise fully all the resources available in the component parties in those constituencies. This is the only way. I am confident that with the existing cooperation amongst the component parties, this can be achieved.

Tuan² dan Puan² sekalian.

~~Ladies and gentlemen.~~

12. It is my pleasure now to declare open the 26th MCA Annual Delegates Conference. I wish you all success in your deliberations.

Back to malay text para 12.

++++++++++++

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI MALAYSIA
UCAPAN
ADHO
695
80/81

PERKHIDMATAN ARKIB PERDANA MENTERI MALAYSIA
AHO/U

No. Siri 405
No Penerimaan 44/81